



AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD

(795492-W)
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BERKANUN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

KANDUNGAN

LAPORAN PENGARAH	1 - 12
PENYATA PENGARAH	13
AKUAN BERKANUN	14
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	15 - 18
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	19
PENYATA PENDAPATAN	20
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	21
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	22
PENYATA ALIRAN TUNAI	23 - 24
NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN	25 - 94

LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacita membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama syarikat adalah perniagaan penaja jaminan insurans bagi semua jenis perniagaan insurans am. Tiada sebarang perubahan nyata dalam kegiatan-kegiatan sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

RM'000

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan

38,649

DIVIDEN

Dividen akhir peringkat pertama sebanyak 32.18% (RM0.3218 sesaham) ke atas saham biasa yang diisytiharkan dan dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 December 2015 yang berjumlah RM100 juta telah dibayar pada 27 Jun 2016.

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen akhir yang akan dibayar bagi tahun kewangan yang ditinjau.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan nyata kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan kecuali yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

PERUNTUKAN LIABILITI INSURANS

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibentangkan, para Pengarah mengambil langkah munasabah untuk memastikan peruntukan untuk liabiliti insurans adalah mencukupi mengikut kaedah penilaian yang dispesifikasikan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko untuk Penanggung Insurans.

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibentangkan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan tindakan yang sesuai diambil berkaitan dengan pelupusan hutang lapuk dan membuat peruntukan hutang ragu dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui dilupuskan dan peruntukan hutang ragu adalah mencukupi.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

HUTANG LAPUK DAN RAGU (SAMBUNGAN)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah Syarikat tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau jumlah peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi secara ketara.

ASET SEMASA

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibentangkan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan nilai sebarang aset semasa selain hutang yang tidak mungkin direalisasikan sewaktu perniagaan dijalankan akan ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat kepada jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan, para Pengarah tidak sedar akan keadaan yang menjadikan kaedah penilaian aset atau liabiliti yang digunakan sekarang dalam Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

LUAR JANGKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tiada didapati:

- (a) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti sesiapa, atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, tiada luar jangka atau liabiliti lain yang dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan berakhir, yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat memenuhi kewajipannya apabila genap masanya.

Untuk tujuan perenggan ini, luar jangka atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak penajajaminan insurans dalam urusan biasa perniagaan Syarikat.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang tidak diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menjadikan sesuatu jumlah yang mengelirukan dalam penyata kewangan ini.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat semasa tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang nyata dan luar biasa.

Pada pendapat para Pengarah, dari masa tahun kewangan berakhir hingga tarikh laporan ini, tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang nyata dan luar biasa yang menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan pada tahun kewangan semasa dan pada tempoh akhir tahun hingga tarikh laporan ini adalah:

Dato' Thomas Mun Lung Lee
Mohd Daruis Bin Zainuddin
Ou Shian Waei
Matthew James Harris
Antony Fook Weng Lee
Stephen Charles Snell (meletak jawatan pada 1 November 2016)

MANFAAT PARA PENGARAH

Pada akhir tahun kewangan ini, tidak wujud sebarang peraturan di mana Syarikat terlibat dengan tujuan membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain selain daripada Skim Opsyen Saham Pekerja bagi saham biasa American International Group, Inc.

Sejak akhir tempoh kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang diterima atau patut diterima dan boleh diterima oleh para Pengarah dan yuran profesional yang dibayar kepada Syarikat di mana seseorang Pengarah mempunyai kepentingan seperti yang ditunjukkan dalam Nota 21(b) penyata kewangan dan manfaat pekerja penuh masa Syarikat dan perbadanan berkaitan) disebabkan perjanjian yang dimeterai oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan seseorang Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah tersebut ialah seorang ahli atau dengan sebuah syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan berkenaan saham dan opsyen atas saham dalam syarikat induk utama Syarikat semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:

		<u>Bilangan waran pada harga US\$2.50 setiap satu</u>		
<u>American International Group, Inc</u>		Pada 01.01.2016	Dilaksanakan	Pada 31.12.2016
Kepentingan langsung				
Antony Fook Weng Lee		9	-	9

		<u>Bilangan opsyen saham bagi saham biasa pada harga US\$2.50 setiap satu</u>		
<u>American International Group, Inc</u>		Pada 01.01.2016	Diberi	Pada 31.12.2016
Opsyen Saham Pekerja				
Matthew James Harris		-	1,553	1,553
Antony Fook Weng Lee		28	388	416

Selain dibentangkan di atas, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai kepentingan saham dalam Syarikat atau saham, opsyen atas saham dan debentur perbadanan yang berkaitan semasa tahun kewangan.

IMBUHAN PARA PENGARAH

Butiran imbuhan yang boleh diterima oleh Pengarah pada tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Yuran Pengarah	500	500
Lain-lain emolumen Para Pengarah*	1,662	1,891
Yuran profesional dibayar kepada para Pengarah atau mana-mana firma yang mana para Pengarah merupakan ahli bagi perkhidmatan yang diberikan	-	9
Amaun yang dibayar kepada atau boleh diterima oleh mana-mana pihak ketiga untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Pengarah	-	-
Indemniti diberikan atau insurans yang diambil untuk mana-mana Pengarah	56	62
	2,218	2,462

* Termasuk dalam emolumen para pengarah adalah manfaat bukan tunai (berdasarkan anggaran nilai wang tunai) berjumlah RM31,674 (2015: RM149,882).

PERBADANAN PEMEGANGAN TERDEKAT DAN INDUK

Syarikat pemegangan terdekat adalah AIG Asia Pacific Insurance Pte Ltd, sebuah syarikat yang telah diperbadankan di Singapura, dan para Pengarah menetapkan American International Group, Inc, sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware, Amerika Syarikat, sebagai perbadanan pemegangan induk Syarikat.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT

Syarikat telah mengambil langkah-langkah berhemat bagi memastikan pematuhan terhadap Rangka Kerja Berhemat Tadbir Urus Korporat (BNM/RH/GL/003-2) Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk penanggung insurans dan menggunakan amalan yang terbaik sepanjang masa.

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN

Lembaga bertanggungjawab menguruskan dengan baiknya sumber-sumber Syarikat, pencapaian objektif korporat dan pematuhan amalan tadbir urus korporat yang baik selaras dengan Garis Panduan BNM ke atas Piawaian Minimum untuk Pengurusan Hemat bagi Penanggung Insurans (BNM/RH/GL/003-1) (Digabungkan) dan Rangka Kerja Hemat Urustadbir Korporat bagi Penanggung Insurans (BNM/RH/GL/003-2) (Digabungkan). Syarikat telah mematuhi aplikasi-aplikasi terbitan dan telah menerima pakai amalan pengurusan yang selaras dengan garis panduan tersebut.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab keseluruhannya untuk memimpin Syarikat. Ini termasuk menetapkan arah masa depan yang strategik, mengkaji semula keberkesanan objektif korporat dan memantau pelaksanaan dan prestasi perniagaan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada 3 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, 2 Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan 1 Pengarah Eksekutif. Lembaga Pengarah berkecualan dan berpengetahuan luas dalam bidang perniagaan dan kewangan untuk mengutarakan arah tuju yang berkesan dari segi objektif korporat dan strategi perniagaan.

Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 10 kali sepanjang tahun kewangan. Semua Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan memenuhi keperluan kehadiran minimum 75% dalam mesyuarat.

Butir-butir kehadiran setiap Pengarah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

<u>Nama Pengarah</u>	<u>(Status Pengarah)</u>	<u>Bil. Mesyuarat Dihadiri</u>
Dato' Thomas Mun Lung Lee	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	10/10
Mohd Daruis Bin Zainuddin	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	10/10
Ou Shian Waei	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	10/10
Matthew James Harris	(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	9/10
Antony Fook Weng Lee	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)	10/10
Stephen Charles Snell (meletak jawatan pada 1 November 2016)	(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)	4/7

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Bagi menyokong tadbir urus dan proses-proses korporat dengan baik, Lembaga Pengarah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Imbuhan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit yang mematuhi keperluan Garis Panduan BNM ke atas Piawaian Minimum untuk Pengurusan Hemat bagi Penanggung Insurans (BNM/RH/GL/003-1). Garis panduan mewajibkan pematuhan sepenuhnya kepada Bidang Tugas Jawatankuasa ini. Lembaga Pengarah telah mengguna-pakai bidang tugas Jawatankuasa ini.

Peranan dan ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada 5 ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Ou Shian Waei	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Mohd Daruis Bin Zainuddin	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Matthew James Harris	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Stephen Charles Snell (meletak jawatan pada 1 November 2016)	(Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan dengan formal dan nyata bagi pelantikan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") dan pegawai-pegawai kanan utama ("KSO") dan menilai keberkesanan para Pengarah secara individu, Lembaga Pengarah secara keseluruhan (termasuk lain-lain jawatankuasa Lembaga Pengarah), CEO dan KSO secara berterusan.

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Pencalonan adalah:

- mewujudkan keperluan minimum untuk Lembaga Pengarah dan CEO melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengawasi Lembaga Pengarah dengan sepenuhnya dari segi saiz yang sesuai dan gabungan kemahiran, keseimbangan antara eksekutif, bukan eksekutif dan Pengarah bebas serta kemahiran utama lain yang diperlukan;
- menyarankan dan menilai calon untuk jawatan Pengarah, para Pengarah untuk mengisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta calon untuk jawatan CEO. Ini termasuk menilai para Pengarah dan CEO yang dicadangkan untuk pelantikan semula sebelum permohonan kelulusan diserahkan kepada Bank Negara Malaysia ("BNM");
- mewujudkan mekanisme untuk penilaian formal dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah sepenuhnya, sumbangan setiap Pengarah ke atas keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berlainan dan prestasi CEO. Penilaian sepatutnya juga termasuk memastikan Pengarah tidak dibatalkan kelayakannya di bawah undang-undang yang relevan dan memenuhi kriteria 'tepat dan sesuai';

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pencalonan (sambungan)

- (d) menyarankan pelucutan Pengarah atau CEO daripada Lembaga Pengarah sekiranya beliau kurang cekap, menyeleweng atau cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya;
- (e) memastikan semua Pengarah mengikuti program induksi yang sesuai dan mengikuti latihan yang berterusan; dan
- (f) mengawasi pelantikan, pengurusan perancangan pengambilalihan dan penilaian prestasi KSO, serta menyarankan kepada Lembaga Pengarah pelucutan KSO sekiranya mereka kurang cekap, menyeleweng dan cuai dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Jawatankuasa Pencalonan bermesyuarat 8 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Kesemua ahli Jawatankuasa Pencalonan pada akhir tahun kewangan mematuhi keperluan kehadiran minima mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa Imbuhan

Jawatankuasa Imbuhan ("RC") terdiri daripada 4 Pengarah Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Ou Shian Waei	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Mohd Daruis bin Zainuddin	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Matthew James Harris	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif Jawatankuasa Imbuhan adalah untuk memberikan prosedur yang formal dan nyata untuk membentuk polisi ganjaran para Pengarah, CEO dan KSO serta memastikan pampasan mereka berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Imbuhan adalah:

- (a) menyarankan kerangka imbuhan para Pengarah, CEO dan KSO. Polisi imbuhan patut:-
 - didokumentasikan dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah dan sebarang perubahan perlu disahkan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah;
 - menunjukkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipegang oleh setiap Pengarah, CEO dan KSO;
 - mencukupi untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah, CEO dan KSO yang berkaliber untuk menguruskan syarikat dengan berjaya; dan
 - seimbang dengan keperluan untuk memastikan dana penanggung insurans tidak digunakan sebagai subsidi untuk pakej imbuhan yang keterlaluan dan tidak patut mewujudkan insentif untuk kelakuan yang tidak bertanggungjawab atau lebihan untuk orang dalaman.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Imbuhan (sambungan)

(b) menyarankan pakej imbuhan yang spesifik untuk para Pengarah, CEO dan KSO. Pakej ganjaran patut:-

- berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah;
- mempertimbangkan penilaian Jawatankuasa Pencalonan tentang keberkesanan dan sumbangan para Pengarah, CEO atau KSO yang terlibat;
- tidak diputuskan oleh pertimbangan seorang individu sahaja atau terhadap kepada sekumpulan individu tertentu; dan
- berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Jawatankuasa Imbuhan bermesyuarat 1 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Kesemua ahli Jawatankuasa Imbuhan pada akhir tahun kewangan mematuhi keperluan kehadiran minima mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") terdiri daripada 3 Pengarah Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Mohd Daruis bin Zainuddin
Dato' Thomas Mun Lung Lee
Ou Shian Waei Ahli

Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
(Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif RMC adalah mengawasi kegiatan pengurusan kanan dalam menguruskan bahagian risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko yang sewajarnya wujud dan berfungsi secara berkesan.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

Tugas dan tanggungjawab prinsipal Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah:

- (a) mengkaji semula dan mencadangkan strategi pengurusan risiko, polisi dan paras toleransi risiko untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- (b) mengkaji semula dan menilai keberkesanan polisi pengurusan risiko dan rangka untuk mengenal pasti, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko serta kesemua ini beroperasi dengan berkesan;
- (c) memastikan infrastruktur, sumber dan sistem adalah mencukupi untuk pengurusan risiko yang berkesan; misalnya memastikan pekerja yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan sistem pengurusan risiko menjalankan tugasnya secara bebas daripada kegiatan berisiko Syarikat; dan
- (d) mengkaji semula laporan berkala pengurusan tentang pendedahan risiko, kandungan portfolio risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bermesyuarat 4 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Kesemua ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko pada akhir tahun kewangan mematuhi keperluan kehadiran minima mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit ("AC") terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Mohd Daruis bin Zainuddin
Dato' Thomas Mun Lung Lee
Ou Shian Waei

Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif utama Jawatankuasa Audit adalah memastikan proses laporan kewangan benar dan nyata.

Tugas dan tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah:

- (a) Memastikan bahawa jabatan audit dalaman adalah ketara dan mempunyai status yang sewajarnya dalam struktur keseluruhan organisasi untuk juruaudit dalaman mencapai objektif mereka dengan berkesan;
- (b) Mengkaji semula dan mempersetujui pelan audit tahunan, piagam audit dan belanjawan tahunan jabatan audit dalaman dan pelantikan juruaudit luaran;

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PEMANTAUAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Audit (sambungan)

- (c) Memastikan kakitangan audit dalaman mempunyai capaian yang bebas dan tidak terhad ke atas rekod, aset, pekerja Syarikat atau proses yang relevan dengan dan dalam skop audit;
- (d) Mengkaji semula pelbagai hubungan antara juruaudit luaran dengan Syarikat atau sebarang entiti lain yang mungkin menjejaskan atau kelihatan menjejaskan pertimbangan atau kebebasan juruaudit luaran yang berkaitan dengan Syarikat;
- (e) Mengkaji semula bersama juruaudit luaran supaya pelan audit adalah sesuai dan skop pelan audit mencerminkan terma dalam surat pelantikan;
- (f) Mengkaji semula penyata-penyata kewangan, laporan audit, termasuk laporan kepada BNM bersama juruaudit luaran dan membincangkan hasil penilaian dan isu yang timbul daripada audit luaran;
- (g) Memastikan usaha pembaikan pengurusan tentang hasil penilaian dan saranan audit dalaman dan luaran diselesaikan secara berkesan dan tepat pada waktunya;
- (h) Meluluskan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luaran dan memastikan tahap perkhidmatan bukan audit yang diberikan adalah selaras dengan pengkalan kebebasan juruaudit;
- (i) Mengkaji semula penyata Pengerusi, laporan kewangan interim, pengumuman saringan dan pendedahan tadbir urus korporat dalam Laporan Para Pengarah;
- (j) Mengkaji semula urusan dengan pihak yang berkaitan dan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam sebarang urusan, prosedur atau tatalaku yang menimbulkan persoalan tentang integriti pengurusan;
- (k) Memastikan akaun-akaun Syarikat disediakan dan diterbitkan tepat pada masanya dan juga tepat untuk tujuan perundangan, pengurusan dan laporan am; dan
- (l) Melapor kepada BNM setiap tahun, tentang kelemahan yang nyata dalam persekitaran kawalan dalaman serta langkah-langkah yang diambil untuk menangani kelemahan-kelemahan itu.

Jawatankuasa Audit berkuasa menyiasat semua perkara dalam lingkungan bidang tugasnya dan mempunyai capaian yang tidak terhad ke atas semua maklumat dan dokumen yang relevan dengan kegiatannya, juruaudit dalaman dan luaran, serta pekerja dan ejen Syarikat.

Jawatankuasa Audit bermesyuarat 4 kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Kesemua ahli Jawatankuasa Audit pada akhir tahun kewangan mematuhi keperluan kehadiran minima mesyuarat tersebut.

IMBUHAN JURUAUDIT

Imbuan juruaudit luaran bagi audit berkanun bagi tahun kewangan berjumlah RM380,000, seperti yang dinyatakan dalam Nota 21 kepada penyata kewangan. Tiada ganti rugi diberikan atau insuran yang diambil untuk juruaudit luaran Syarikat.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(B) AKAUNTABILITI PENGURUSAN

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas untuk deskripsi tugas, had kuasa dan sempadan operasi lain untuk setiap pekerja pengurusan dan eksekutif serta penilaian prestasi formal dilakukan setiap tahun. Maklumat dikomunikasikan secara berkesan kepada pekerja yang berkaitan di dalam Syarikat. Syarikat mempunyai prosedur yang formal dan nyata untuk menghasilkan polisi imbuhan eksekutif. Tiada Pengarah dan pengurusan kanan Syarikat yang mempunyai konflik kepentingan dalam sebarang keadaan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Pihak pengurusan memenuhi semua keperluan preskriptif di bawah seksyen ini dan telah mengamalkan praktis terbaik dalam bahagian struktur organisasi dan pembahagian tugas, konflik kepentingan, penentuan matlamat dan bahagian komunikasi.

(C) KEBEBASAN KORPORAT

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan dilakukan atas syarat yang dipersetujui seperti dispesifikasikan di bawah Garis Panduan BNM, BNM/RH/GL/018-6 Urusniaga dengan Pihak Berkaitan dan Garis Panduan BNM, BNM/RH/GL/003-2 Rangka Hemat Urustadbir Korporat untuk Penanggung Insurans. Urusniaga dengan pihak berkaitan dan baki telah didedahkan dalam penyata kewangan menurut MFRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan.

(D) KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Terdapat proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditentukan. Ini termasuk penentuan had risiko operasi untuk semua kegiatan utama. Syarikat telah membentuk kawalan dalaman yang meliputi semua peringkat pekerja yang dapat mengenalpasti dan menilai risiko nyata secara berterusan, termasuk risiko penaja jaminan, risiko menginsurans semula, risiko pelaburan, risiko operasi dan perundangan yang dapat menjejaskan prestasi dan keadaan kewangan Syarikat.

Pengkajian semula dan penilaian yang berterusan mengenai keberkesanan dan menaksir kecukupan kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman, untuk memastikan tindakan pembetulan, sekiranya perlu, diambil tepat pada masanya.

(E) AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman adalah dibekalkan oleh syarikat induk utama, AIG. Kumpulan Audit Dalaman (GIA) yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit AIG juga membantu Jawatankuasa Audit Syarikat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Fungsi utama GIA termasuk penilaian keberkesanan dan menaksir kecukupan kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan dan memastikan tindakan pembetulan, sekiranya perlu, diambil tepat pada masanya.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA KERJA BERHEMAT TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

(F) AKAUNTABILITI AWAM

Sebagai penjaga dana awam, urusan Syarikat yang dijalankan dengan pihak awam adalah adil, jujur dan profesional. Syarikat mematuhi semua keperluan preskriptif dan amalan terbaik di bawah seksyen ini yang berkaitan dengan amalan tidak adil.

(G) LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan rekod perakaunan disimpan dengan baik dan penyata kewangan Syarikat disediakan menurut Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan peraturan yang berkaitan. Di samping itu, Syarikat juga memenuhi keperluan praktis terbaik tentang laporan pengurusan, di mana petunjuk prestasi utama dilaporkan pada setiap bulan.

JURUAUDIT

Juruaudit luaran, iaitu PricewaterhouseCoopers bersara dan menyatakan kesudian mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 28 Mac 2017.

ANTONY FOOK WENG LEE
PENGARAH

OU SHIAN WAEI
PENGARAH

Kuala Lumpur
28 Mac 2017

PENYATA PENGARAH

MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT, 2016

Kami, Antony Fook Weng Lee dan Ou Shian Waei, selaku dua daripada para Pengarah AIG Malaysia Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 18 hingga 93 disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh 31 Disember 2016 menurut peruntukan Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi yang diluluskan pada 28 Mac 2017.

ANTONY FOOK WENG LEE
PENGARAH

OU SHIAN WAEI
PENGARAH

Kuala Lumpur
28 Mac 2017

AKUAN BERKANUN

MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 251 (1) AKTA SYARIKAT, 2016

Saya, Zawinah Ismail, selaku Pegawai yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan AIG Malaysia Insurance Berhad dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 yang dibentangkan dari muka surat 19 hingga 94 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965, dan mengikut pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan disediakan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

ZAWINAH BTE ISMAIL

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh yang bernama di atas di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 28 Mac 2017.

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan AIG Malaysia Insurance Berhad ("Syarikat") memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2016, dan prestasi kewangan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Apa yang kami telah mengaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Syarikat, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta nota penjelasan yang lain pada muka surat 19 hingga 94.

Asas pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut lagi di bawah bahagian "Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan" di dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami beroperasi secara bebas daripada Syarikat menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain merangkumi Laporan Pengarah dan tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit kami sesudahnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan keatas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami keatas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Syarikat atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata matan.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja-kerja yang telah kami melaksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan dalam maklumat lain tersebut; kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Sehubungan dengan hal ini, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Para Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, dan untuk kawalan dalaman yang perlu sepertimana yang ditentukan oleh para Pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang wajar sekiranya penyata kewangan Syarikat secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata matan sekiranya ianya wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap matan sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mempraktikkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata matan penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata matan disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, salah nyata, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Para Pengarah.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Syarikat meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Syarikat menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.
- (e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sekiranya penyata kewangan Syarikat mewakili urus niaga dasar dan peristiwa-peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI AIG MALAYSIA INSURANCE BERHAD (SAMBUNGAN)

(Diperbadankan di Malaysia)

(No. Syarikat: 795492-W)

LAPORAN KE ATAS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan (sambungan)

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaan audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

LAPORAN KE ATAS KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN KAWALSELIA YANG LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang, pada pendapat kami, perakaunan dan rekod lain serta daftar yang perlu disimpan oleh Syarikat menurut Akta telahpun disimpan dengan sewajarnya selaras dengan peruntukan Akta.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini disediakan khusus untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, sejajar dengan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS

(No. AF: 1146)

Akauntan-Akauntan Bertauliah

SOO HOO KHOON YEAN

(No. 2682/10/17(J))

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

28 Mac 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
Aset			
Hartanah dan peralatan	4	4,066	6,127
Aset tidak ketara	5	2,240	4,332
Aset kewangan tersedia untuk jualan	6	740,491	787,529
Aset insurans semula	7	180,677	183,333
Pinjaman dan penghutang, tidak termasuk penghutang insurans	8	251,804	232,902
Penghutang insurans	9	111,990	126,958
Kos perolehan tertunda	10	38,356	40,679
Cukai boleh pulih		10,823	8,113
Tunai dan baki bank		44,540	52,925
Jumlah aset		1,384,987	1,442,898
Ekuiti dan liabiliti			
Modal saham	11(a)	310,800	310,800
Perolehan tertahan	11(b)	83,187	144,538
Rizab tersedia untuk jualan	11(c)	9,594	11,435
Jumlah ekuiti		403,581	466,773
Liabiliti kontrak insurans	12	775,120	844,172
Liabiliti cukai tertunda	13	2,543	1,920
Pemiutang insurans	14	111,315	88,716
Pemiutang lain	15	92,428	41,317
Jumlah liabiliti		981,406	976,125
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,384,987	1,442,898

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
Premium terperoleh kasar	16(a)	723,605	709,906
Premium diserahkan kepada penanggung insurans semula	16(b)	(174,288)	(189,179)
Premium terperoleh bersih		549,317	520,727
Pendapatan pelaburan	17	38,076	39,323
Keuntungan dan kerugian terealisasi	18	17	1,240
Pendapatan komisen	19(a)	49,444	46,360
Hasil operasi lain		(2,866)	2,250
Hasil lain		633,988	609,900
Tuntutan kasar dibayar	20(a)	(350,509)	(287,851)
Tuntutan diserahkan kepada penanggung insurans semula	20(b)	53,982	37,258
Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	20(c)	58,355	22,995
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penanggung insurans semula	20(d)	(23,838)	(25,947)
Tuntutan bersih ditanggung		(262,010)	(253,545)
Perbelanjaan komisen	19(b)	(88,846)	(87,081)
Perbelanjaan pengurusan	21	(220,273)	(172,182)
Perbelanjaan lain		(309,119)	(259,263)
Keuntungan sebelum cukai		62,859	97,092
Perbelanjaan cukai pendapatan	22	(24,210)	(17,167)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		38,649	79,925
Perolehan sesaham			
Asas	23	12 sen	26 sen

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		38,649	79,925
Pendapatan komprehensif lain:			
Item yang mungkin diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian			
Perubahan dalam rizab tersedia untuk jualan:			
- Keuntungan/(kerugian) nilai saksama timbul semasa tahun kewangan	6(b)	(2,406)	2,989
- Keuntungan terealisasi nilai saksama dipindahkan ke Penyata Pendapatan	18	(17)	(1,240)
- Kesan cukai ke atas perubahan dalam rizab nilai saksama		582	(287)
		<u>(1,841)</u>	<u>1,462</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		<u>36,808</u>	<u>81,387</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUTI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	— Tidak Boleh Diagih —		Boleh Diagih	
	Modal saham	Rizab tersedia untuk jualan	Perolehan tertahan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2015	310,800	9,973	94,613	415,386
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	79,925	79,925
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	1,462	-	1,462
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	1,462	79,925	81,387
Dividen dibayar bagi tahun kewangan (Nota 24)	-	-	(30,000)	(30,000)
Pada 31 Disember 2015	<u>310,800</u>	<u>11,435</u>	<u>144,538</u>	<u>466,773</u>
Pada 1 Januari 2016	310,800	11,435	144,538	466,773
Keuntungan bagi tahun kewangan	-	-	38,649	38,649
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	(1,841)	-	(1,841)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	(1,841)	38,649	36,808
Dividen dibayar bagi tahun kewangan (Nota 24)	-	-	(100,000)	(100,000)
Pada 31 Disember 2016	<u>310,800</u>	<u>9,594</u>	<u>83,187</u>	<u>403,581</u>
	Nota 11(a)	Nota 11(c)	Nota 11(b)	

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM'000	2015 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI		
Keuntungan bagi tahun kewangan	38,649	79,925
Pelarasan bagi:		
Kerugian ke atas hapuskira hartanah dan peralatan	824	112
Kerugian ke atas hapuskira aset tidak ketara	2,453	-
Susut nilai hartanah dan peralatan	1,998	1,851
Pelunasan aset tidak ketara	390	148
Pendapatan pelaburan	(38,076)	(39,323)
Pembalikan kerugian rosot nilai atas LAR	(294)	-
Kerugian rosot nilai atas aset kewangan AFS	693	1,431
Keuntungan nilai saksama AFS dinyatakan dalam Penyata Pendapatan	(17)	(1,240)
Perbelanjaan cukai pendapatan	24,210	17,167
Hutang lapuk dihapuskira ke atas penghutang insurans	3,189	235
Hutang lapuk dipulih ke atas penghutang insurans	(177)	-
Peruntukan rosot nilai ke atas penghutang insurans	(513)	2,813
	33,329	63,119
Perubahan dalam modal kerja:		
Pengurangan dalam aset insurans semula	2,656	6,361
Pengurangan/(penambahan) dalam penghutang insurans	12,469	(51,934)
Pengurangan dalam kos perolehan tertunda	2,323	752
Pengurangan dalam liabiliti kontrak insurans	(69,052)	(11,787)
Penambahan dalam pemiutang insurans	22,599	48,101
Penambahan dalam lain-lain pemiutang	51,111	103
Penambahan dalam pinjaman dan penghutang, tidak termasuk penghutang insurans	(18,503)	(100,263)
	36,932	(45,548)
Tunai dijana daripada operasi	(25,715)	(17,000)
Cukai dibayar		
Aliran masuk tunai bersih daripada kegiatan operasi	11,217	(62,548)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

	2016 RM'000	2015 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN		
Pembelian hartanah dan peralatan	(761)	(2,572)
Pembelian aset tidak ketara	(751)	(3,728)
Pendapatan faedah diterima	38,246	38,073
Pendapatan dividen diterima	1,635	1,696
Pembelian aset kewangan AFS	(123,054)	(160,530)
Perolehan daripada pelupusan dan kematangan aset kewangan AFS	165,083	192,089
Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	80,398	65,028
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Dividen dibayar	(100,000)	(30,000)
Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan	(100,000)	(30,000)
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARAAN	(8,385)	(27,520)
TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA 1 JANUARI	52,925	80,445
TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA 31 DISEMBER	44,540	52,925
Tunai dan tunai setaraan merangkumi:		
Tunai dan baki bank	560	6,925
Deposit tetap dan panggilan dengan kematangan kurang daripada 3 bulan	43,980	46,000
	44,540	52,925

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016

1. KEGIATAN UTAMA DAN INFORMASI AM

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, yang diperbadankan dan didomisi di Malaysia. Pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan Syarikat terletak di Aras 18, Menara Worldwide, 198, Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

Syarikat menjalankan kegiatan utamanya, iaitu perniagaan penajajaminan insurans bagi semua jenis perniagaan insurans am. Tiada sebarang perubahan nyata dalam kegiatan-kegiatan sepanjang tahun kewangan.

Syarikat pemegang terdekata adalah AIG Asia Pacific Insurance Pte Ltd, sebuah syarikat yang telah diperbadankan di Singapura, dan para Pengarah menetapkan American International Group, Inc, sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware, Amerika Syarikat, sebagai perbadanan pemegang induk.

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka pada 28 Mac 2017.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara berterusan dalam urusan yang dianggap sebagai penting berhubung dengan penyata kewangan.

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa, keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

8. PINJAMAN DAN PENGHUTANG, TIDAK TERMASUK PENGHUTANG INSURANS

	2016 RM'000	2015 RM'000
Deposit tetap dengan bank berlesen di Malaysia	186,415	156,284
Pinjaman kakitangan	501	805
	<u>186,916</u>	<u>157,089</u>
Tolak: Peruntukan rosot nilai	(462)	(756)
	<u>186,454</u>	<u>156,333</u>
Penghutang lain:		
Amaun terhutang daripada Malaysian Motor Insurance Pool ("MMIP")	59,226	71,253
- Aset dipegang di bawah MMIP	33,867	36,893
- Sumbangan tunai kepada MMIP	25,359	34,360
Penghutang lain, deposit dan bayaran terdahulu	3,900	3,951
Jumlah terhutang daripada perbadanan berkaitan (Nota 26)	2,224	1,365
	<u>65,350</u>	<u>76,569</u>
Jumlah pinjaman dan penghutang	<u>251,804</u>	<u>232,902</u>
Semasa	169,447	178,894
Bukan semasa	82,357	54,008
	<u>251,804</u>	<u>232,902</u>

Baki MMIP setakat 31 Disember 2016 adalah bayaran bersih sebanyak RM8,765,695 (2015: RM6,085,206) selepas penolakan selesai jumlah terhutang daripada MMIP terhadap bahagian liabiliti tuntutan dan premium MMIP milik Syarikat berjumlah RM50,461,120 (2015: RM77,337,872) yang dinyatakan di dalam Nota 12 kepada penyata kewangan.

Jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan adalah secara dasarnya bukan perdagangan, bebas faedah, tidak bercagar dan perlu dibayar balik atas permintaan.

9. PENGHUTANG INSURANS

	2016 RM'000	2015 RM'000
Premium terhutang termasuk baki ejen/broker dan penginsurans bersama	89,743	110,702
Terhutang daripada penginsurans semula dan penyerah	25,715	20,237
	<u>115,458</u>	<u>130,939</u>
Tolak: Peruntukan rosot nilai	(3,468)	(3,981)
	<u>111,990</u>	<u>126,958</u>
Semasa	<u>111,990</u>	<u>126,958</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

10. KOS PEROLEHAN TERTUNDA

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
Insurans semula kasar			
Pada 1 Januari		42,048	42,538
Komisen perbelanjaan dibayar	19(b)	86,493	86,591
Pelunasan	19(b)	(88,846)	(87,081)
		<u>39,695</u>	<u>42,048</u>
 Insurans semula			
Pada 1 Januari		1,369	1,107
Komisen perbelanjaan dibayar	19(a)	49,414	46,622
Pelunasan	19(a)	(49,444)	(46,360)
		<u>1,339</u>	<u>1,369</u>
 Insurans semula bersih			
Pada 1 Januari		40,679	41,431
Komisen perbelanjaan dibayar		37,079	39,969
Pelunasan		(39,402)	(40,721)
		<u>38,356</u>	<u>40,679</u>
Pada 31 Disember		<u>38,356</u>	<u>40,679</u>
 Semasa		<u>38,356</u>	<u>40,679</u>

11. EKUITI

(a) Modal saham

	2016		2015	
	Bilangan Saham '000	Jumlah RM'000	Bilangan Saham '000	Jumlah RM'000
Dibenarkan:				
Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham				
Pada awal dan akhir tahun kewangan	<u>500,000</u>	<u>500,000</u>	<u>500,000</u>	<u>500,000</u>
 Diterbitkan dan dibayar penuh:				
Saham biasa bernilai RM1.00 sesaham				
Pada awal dan akhir tahun kewangan	<u>310,800</u>	<u>310,800</u>	<u>310,800</u>	<u>310,800</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

11. EKUITI (SAMBUNGAN)

(b) Keuntungan tertahan

Syarikat adalah di bawah sistem cukai satu peringkat. Cukai yang dibayar atas pendapatan Syarikat adalah cukai akhir dan sebarang dividen yang diagihkan akan dikecualikan daripada cukai apabila diserahkan kepada pemegang saham.

Syarikat boleh mengagihkan dividen berkecuali cukai peringkat satu kepada pemegang-pemegang sahamnya daripada keuntungan tertahannya. Menurut Seksyen 51 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Syarikat perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada BNM sebelum mengisytiharkan atau membayar sebarang dividen. Menurut Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans, Syarikat tidak akan membayar dividen jika kedudukan Nisbah Kecukupan Modalnya kurang daripada tahap modal sasaran dalamannya atau jika pembayaran dividen akan menjejaskan kedudukan Nisbah Kecukupan Modal kepada tahap di bawah sasaran dalamannya.

(c) Rizab tersedia untuk jualan

Rizab nilai saksama terdiri daripada keuntungan belum direalisasikan atas aset kewangan yang diklasifikasikan sebagai tersedia untuk jualan, ditolak cukai tertunda.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

12. LIABILITI KONTRAK INSURANS

	Kasar RM'000	Insurans semula RM'000	Bersih RM'000
2016			
Peruntukan tuntutan dilaporkan oleh pemegang polisi	280,625	(91,571)	189,054
Peruntukan tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR")	139,402	(35,806)	103,596
Liabiliti tuntutan (i)	420,027	(127,377)	292,650
Liabiliti premium (ii)	355,093	(53,300)	301,793
	<u>775,120</u>	<u>(180,677)</u>	<u>594,443</u>
2015			
Peruntukan tuntutan dilaporkan oleh pemegang polisi	327,742	(118,259)	209,483
Peruntukan tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR")	150,639	(32,957)	117,682
Liabiliti tuntutan (i)	478,381	(151,216)	327,165
Liabiliti premium (ii)	365,791	(32,117)	333,674
	<u>844,172</u>	<u>(183,333)</u>	<u>660,839</u>
(i) Liabiliti tuntutan			
	Kasar RM'000	Insurans semula RM'000	Bersih RM'000
Pada 1 Januari 2016	478,381	(151,216)	327,165
Tuntutan ditanggung dalam tahun kemalangan semasa	272,196	(35,625)	236,571
Pelarasan kepada tuntutan ditanggung dalam tahun kemalangan sebelumnya	31,196	8,332	39,528
Kesan perubahan dalam andaian utama	(11,237)	(2,850)	(14,087)
Tuntutan dibayar semasa tahun kewangan	(350,509)	53,982	(296,527)
Pada 31 Disember 2016	<u>420,027</u>	<u>(127,377)</u>	<u>292,650</u>
Pada 1 Januari 2015	501,375	(177,162)	324,213
Tuntutan ditanggung dalam tahun kemalangan semasa	251,965	(28,235)	223,730
Pelarasan kepada tuntutan ditanggung dalam tahun kemalangan sebelumnya	24,900	5,346	30,246
Kesan perubahan dalam andaian utama	(12,008)	11,577	(431)
Tuntutan dibayar semasa tahun kewangan	(287,851)	37,258	(250,593)
Pada 31 Disember 2015	<u>478,381</u>	<u>(151,216)</u>	<u>327,165</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

12. LIABILITI KONTRAK INSURANS (SAMBUNGAN)

(ii) Liabiliti Premium

		Kasar RM'000	Insurans semula RM'000	Bersih RM'000
Pada 1 Januari 2016		365,791	(32,117)	333,674
Premium ditulis dalam tahun kewangan	16	712,907	(195,471)	517,436
Premium terperoleh semasa tahun kewangan	16	(723,605)	174,288	(549,317)
Pada 31 Disember 2016		<u>355,093</u>	<u>(53,300)</u>	<u>301,793</u>
 Pada 1 Januari 2015		 354,584	 (12,532)	 342,052
Premium ditulis dalam tahun kewangan	16	721,113	(208,764)	512,349
Premium terperoleh semasa tahun kewangan	16	(709,906)	189,179	(520,727)
Pada 31 Disember 2015		<u>365,791</u>	<u>(32,117)</u>	<u>333,674</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

13. CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda ditolak selesai apabila terdapat hak berkuatkuasa undang-undang untuk menolak selesai aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda berkaitan dengan kawalselia cukai yang sama.

Jumlah berikut, ditentukan selepas penolak selesaian yang sesuai, ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Tertakluk pada cukai pendapatan: Liabiliti cukai tertunda	(2,543)	(1,920)
Pada 1 Januari (Dicaj)/dikredit ke penyata pendapatan:	(1,920)	(2,362)
- hartanah dan peralatan	(357)	80
- aset kewangan tersedia untuk jualan	(159)	(276)
- liabiliti premium	(689)	925
	(1,205)	729
Dicaj ke pendapatan komprehensif lain	582	(287)
Pada 31 Disember	(2,543)	(1,920)
<u>Tertakluk pada cukai pendapatan:</u> Aset cukai tertunda (sebelum ditolak selesai)		
- liabiliti premium	308	997
- lain-lain	707	853
	1,015	1,850
Tolak selesai	(1,015)	(1,850)
Aset cukai tertunda (selepas tolak selesai)	-	-
 Liabiliti cukai tertunda (sebelum ditolak selesai)		
- hartanah dan peralatan	(393)	(37)
- perubahan nilai saksama atas aset kewangan sedia untuk dijual	(3,030)	(3,611)
- lain-lain	(135)	(122)
	(3,558)	(3,770)
Tolak selesai	1,015	1,850
Liabiliti cukai tertunda (selepas tolak selesai)	(2,543)	(1,920)
 Semasa	(2,543)	(1,920)

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

14. PEMIUTANG INSURANS

	2016 RM'000	2015 RM'000
Terhutang kepada ejen dan pengantara	20,854	22,708
Terhutang kepada penginsurans semula dan penyerah	51,066	49,181
Deposit diterima daripada penginsurans semula	39,395	16,827
	<u>111,315</u>	<u>88,716</u>

Semua jumlah akan dibayar dalam masa setahun.

15. PEMIUTANG LAIN

	2016 RM'000	2015 RM'000
Amaun terhutang kepada syarikat berkaitan (Nota 26)	56,032	5,657
Pemiutang lain	36,396	35,660
	<u>92,428</u>	<u>41,317</u>

Semua jumlah akan dibayar dalam masa setahun.

16. PREMIUM TERPEROLEH BERSIH

	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin, Penerbangan dan Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
2016					
(a) Premium terperoleh kasar					
Premium kasar	128,009	258,676	40,007	286,215	712,907
Perubahan dalam liabiliti premium	(57)	11,795	(230)	(810)	10,698
	<u>127,952</u>	<u>270,471</u>	<u>39,777</u>	<u>285,405</u>	<u>723,605</u>
(b) Premium diserahkan					
Insurans semula	(81,809)	(10,580)	(33,163)	(69,919)	(195,471)
Perubahan dalam liabiliti premium	1,593	10,622	246	8,722	21,183
	<u>(80,216)</u>	<u>42</u>	<u>(32,917)</u>	<u>(61,197)</u>	<u>(174,288)</u>
Premium terperoleh bersih	<u>47,736</u>	<u>270,513</u>	<u>6,860</u>	<u>224,208</u>	<u>549,317</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

16. PREMIUM TERPEROLEH BERSIH (SAMBUNGAN)

	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin, Penerbangan dan Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
2015					
(a) Premium terperoleh kasar					
Premium kasar	130,547	279,641	33,663	277,262	721,113
Perubahan dalam liabiliti premium	(6,125)	(1,444)	(3,507)	(131)	(11,207)
	<u>124,422</u>	<u>278,197</u>	<u>30,156</u>	<u>277,131</u>	<u>709,906</u>
(b) Premium diserahkan					
Insurans semula	(80,997)	(20,409)	(28,932)	(78,426)	(208,764)
Perubahan dalam liabiliti premium	10,945	809	3,137	4,694	19,585
	<u>(70,052)</u>	<u>(19,600)</u>	<u>(25,795)</u>	<u>(73,732)</u>	<u>(189,179)</u>
Premium terperoleh bersih	<u>54,370</u>	<u>258,597</u>	<u>4,361</u>	<u>203,399</u>	<u>520,727</u>

17. PENDAPATAN PELABURAN

	2016 RM'000	2015 RM'000
Aset kewangan AFS:		
Pendapatan faedah	28,278	31,296
Pendapatan dividen	1,631	1,687
Pendapatan faedah LAR	8,960	7,949
Pelunasan premium, tolak penambahan diskaun	(793)	(1,609)
	<u>38,076</u>	<u>39,323</u>

18. KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN TEREALISASI

	2016 RM'000	2015 RM'000
Keuntungan/(kerugian) terealisasi untuk:		
Aset kewangan AFS:		
Sekuriti ekuiti	17	1,240
	<u>17</u>	<u>1,240</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

19. PENDAPATAN/PERBELANJAAN KOMISEN

	2016 RM'000	2015 RM'000
(a) Pendapatan komisen		
Pendapatan komisen diterima	49,414	46,622
Movement in deferred acquisition costs	30	(262)
	<u>49,444</u>	<u>46,360</u>
(b) Perbelanjaan komisen		
Perbelanjaan komisen dibayar	(86,493)	(86,591)
Pergerakan dalam kos perolehan tertunda	(2,353)	(490)
	<u>(88,846)</u>	<u>(87,081)</u>

20. TUNTUTAN BERSIH TERTANGGUNG

	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin, Penerbangan dan Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
2016					
(a) Tuntutan kasar dibayar	(46,738)	(214,963)	(7,858)	(80,950)	(350,509)
(b) Tuntutan diserahkan kepada penginsurans semula	35,224	4,956	5,721	8,081	53,982
(c) Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	37,030	43,377	(4,435)	(17,617)	58,355
(d) Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penginsurans semula	(33,545)	(374)	2,829	7,252	(23,838)
Tuntutan bersih tertanggung	<u>(8,029)</u>	<u>(167,004)</u>	<u>(3,743)</u>	<u>(83,234)</u>	<u>(262,010)</u>
2015					
(a) Tuntutan kasar dibayar	(29,758)	(171,140)	(7,286)	(79,667)	(287,851)
(b) Tuntutan diserahkan kepada penginsurans semula	16,463	4,092	5,070	11,633	37,258
(c) Perubahan kasar dalam liabiliti kontrak	16,101	(39,342)	8,610	37,626	22,995
(d) Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penginsurans semula	(11,415)	(513)	(4,802)	(9,217)	(25,947)
Tuntutan bersih tertanggung	<u>(8,609)</u>	<u>(206,903)</u>	<u>1,592</u>	<u>(39,625)</u>	<u>(253,545)</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

21. PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Nota	2016 RM'000	2015 RM'000
Perbelanjaan manfaat kakitangan	21(a)	48,246	45,426
Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif	21(b)	500	500
Imbuhan juruaudit:			
- Audit berkanun		380	368
- Lain-lain		9	34
Perbelanjaan perjalanan		1,188	1,318
Perbelanjaan kenderaan bermotor		423	408
Perbelanjaan guaman		12	55
Pengiklanan		11,238	7,792
Percetakan dan alatulis		2,959	3,032
Sewa dan kadar		3,035	2,945
Elektrik dan air		406	425
Pos, telefon dan telefaks		29,022	32,002
Penyelenggaraan pejabat		568	715
Hiburan		998	1,357
Perbelanjaan latihan		3,860	3,284
Perbelanjaan Pemprosesan Data Elektronik		30,328	30,204
Susut nilai hartanah dan peralatan		1,998	1,851
Pelunasan aset tidak ketara		390	148
(Masuk kira semula)/peruntukan untuk penurunan nilai penghutang insurans	29(a)	(513)	2,813
Pembalikan rosot nilai LAR, tolak penghutang insurans	29(a)	(294)	-
Rosot nilai aset kewangan AFS		693	1,431
Hapus kira hutang lapuk		3,189	235
Perbelanjaan lain		81,638	35,839
		<u>220,273</u>	<u>172,182</u>
(a) Perbelanjaan manfaat kakitangan			
Upah dan gaji		38,658	37,489
Caruman kepada pelan sumbangan ditetapkan		4,673	4,378
Manfaat lain		4,915	3,559
		<u>48,246</u>	<u>45,426</u>

Tiada ganti rugi diberikan atau insuran yang diambil untuk juruaudit bagi tahun kewangan semasa (2015: Sifar)

(b) Imbuhan Pengarah

Butir-butir imbuhan yang diterima oleh para Pengarah Syarikat semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:
Eksekutif:

Gaji dan emolumen lain	1,497	1,705
Caruman kepada pelan caruman ditetapkan.	165	187
	<u>1,662</u>	<u>1,892</u>

Bukan Eksekutif:

Yuran	500	500
	<u>500</u>	<u>500</u>
	<u>2,162</u>	<u>2,392</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

21. PERBELANJAAN PENGURUSAN (SAMBUNGAN)

(b) Imbuhan Pengarah (sambungan)

Jumlah yang dibayar kepada firma di mana seorang Pengarah merupakan Rakan Kongsi Kanan untuk perkhidmatan profesional yang diberikan semasa tahun kewangan berjumlah sifar (2015: RM8,806).

Jumlah imbuhan (termasuk manfaat bukan tunai) Ketua Pegawai Eksekutif dan para Pengarah adalah seperti berikut:

	Yuran/ Gaji RM'000	Bonus & LTIP* RM'000	EPF RM'000	Manfaat bukan tunai/ lain-lain** RM'000	Jumlah RM'000
2016					
Ketua Pegawai Eksekutif					
- Antony Fook Weng Lee	1,013	452	165	32	1,662
Pengarah Bukan Eksekutif					
- Dato' Thomas Mun Lung Lee	150	-	-	-	150
- Mohd Daruis bin Zainuddin	150	-	-	4	154
- Ou Shian Waei	200	-	-	-	200
- Matthew James Harris	-	-	-	-	-
Jumlah Ganjaran Pengarah	500	-	-	4	504
Jumlah imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif dan para Pengarah (termasuk manfaat bukan tunai)	1,513	452	165	36	2,166
2015					
Ketua Pegawai Eksekutif					
- Antony Fook Weng Lee	1,012	543	187	150	1,892
Pengarah Bukan Eksekutif					
- Dato' Thomas Mun Lung Lee	150	-	-	-	150
- Mohd Daruis bin Zainuddin	150	-	-	-	150
- Ou Shian Waei	200	-	-	-	200
- Matthew James Harris	-	-	-	-	-
- Stephen Charles Snell	-	-	-	-	-
Jumlah Ganjaran Pengarah	500	-	-	-	500
Jumlah imbuhan Ketua Pegawai Eksekutif dan para Pengarah (termasuk manfaat bukan tunai)	1,512	543	187	150	2,392

*Pelan Insentif Jangka Panjang (Berdasarkan saham)

**Elau perjalanan

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

22. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	2016 RM'000	2015 RM'000
<u>Cukai semasa</u>		
Tahun kewangan semasa	17,337	18,815
Kurangan/(lebih) akruan di tahun-tahun kewangan sebelumnya	5,668	(919)
	<u>23,005</u>	<u>17,896</u>
<u>Cukai tertunda</u>		
Pengasilan dan pembalikkan perbezaan sementara	1,205	(729)
	<u>24,210</u>	<u>17,167</u>

Penjelasan mengenai hubungan antara perbelanjaan cukai dengan keuntungan sebelum cukai adalah seperti berikut:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Keuntungan sebelum cukai	<u>62,859</u>	<u>97,092</u>
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 24% (2015: 25%)	15,086	24,273
Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	3,265	4,820
Pendapatan dikecualikan cukai	(324)	(288)
Tolakan cukai berganda ke atas MMIP	-	(1,753)
Kurangan/(lebih) peruntukan berkaitan dengan tahun-tahun sebelumnya	5,668	(919)
Kurangan peruntukan cukai tertunda	515	-
Cukai tertunda timbul daripada perubahan dalam dasar perakaunan	-	(8,966)
Perbelanjaan cukai	<u>24,210</u>	<u>17,167</u>

23. PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan sesaham asas telah dikira dengan membahagikan keuntungan bersih untuk tahun kewangan kepada pemegang ekuiti biasa Syarikat dengan bilangan saham biasa purata wajar diterbitkan semasa tahun kewangan.

	2016 RM'000	2015 RM'000
Keuntungan diagihkan kepada pemegang ekuiti biasa	38,649	79,925
Bilangan saham purata wajar diterbitkan	<u>310,800</u>	<u>310,800</u>
Pendapatan sesaham asas (sen)	<u>12</u>	<u>26</u>

Pendapatan cair sesaham tidak dibentangkan kerana tiada saham biasa yang berpotensi cair pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

24. DIVIDEN

Dividen akhir peringkat pertama sebanyak 32.18% (RM0.3218 sesaham) ke atas saham biasa yang diisytiharkan dan dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 yang berjumlah RM100 juta telah dibayar pada 27 Jun 2016

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen akhir yang akan dibayar bagi tahun kewangan di bawah kajian.

25. KOMITMEN

Komitmen pajakan operasi tidak berbatal

Pada tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat mempunyai komitmen sewa di bawah pajakan operasi tidak berbatal:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Tidak lewat dari 1 tahun	2,744	2,587
Lewat dari 1 tahun dan tidak lewat dari 5 tahun	2,401	4,856
	<u>5,145</u>	<u>7,443</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

26. PENDEDAHAN PARTI-PARTI BERKAITAN

Parti-parti berkaitan dan hubungan mereka dengan Syarikat adalah seperti berikut:

<u>Syarikat</u>	<u>Negara perbadanan</u>	<u>Hubungan</u>
American International Group, Inc.	Delaware, Amerika Syarikat	Syarikat pemegang induk
AIG Asia Pacific Insurance Pte Ltd	Singapura	Syarikat pemegang terdekat
AIG Shared Services Corp (Philippine)	Filipina	Syarikat bersekutu
AIG Travel Asia Pacific Pte Ltd	Singapura	Syarikat bersekutu
AIG Global Service Inc	New Jersey, Amerika Syarikat	Syarikat bersekutu
AIG Global Service Inc (Malaysia) Sdn Bhd	Malaysia	Syarikat bersekutu
AIG Bermuda Ltd.	Bermuda	Syarikat bersekutu
AIG Shared Services (M) Sdn Bhd	Malaysia	Syarikat bersekutu
AIG Claims, Inc	State of New York, USA	Syarikat bersekutu

Dalam urusan biasa, Syarikat menanggung pelbagai urusan dengan syarikat syarikat pemegang induk dan perbadanan berkaitan yang lain yang dianggap parti berkaitan kerana mereka ialah ahli-ahli kumpulan syarikat American International Group, Inc. ("Kumpulan AIG"), dengan syarat dan harga yang dipersetujui.

- (a) Butir-butir parti berkaitan yang penting semasa tahun kewangan antara Syarikat dengan Kumpulan AIG adalah seperti berikut:

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Premium penanggung insurans semula aliran masuk diterima	(29)	262
Penyerahan premium penanggung insurans semula	(115,436)	(120,883)
Tuntutan dibayar	(13,547)	(542)
Tuntutan penanggung insurans semula terpulih	31,723	22,822
Komisen diperolehi	44,989	38,949
Komisen dibayar	1	24
Kos berkaitan sistem dibayar kepada perbadanan berkaitan	(25,735)	(27,680)
Kos kakitangan dan kos berkaitan diterima dari perbadanan berkaitan	4,087	3,934
Yuran pengendalian tuntutan diterima dari perbadanan berkaitan	30	100
Perbelanjaan kerugian penyelarasan	(3,065)	(2,075)
Kos pemprosesan polisi dan pentadbiran berkaitan	(14,316)	(16,210)
Bayaran perkhidmatan global	(51,067)	-

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

26. PENDEDAHAN PARTI-PARTI BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Pampasan kakitangan pengurusan utama

Imbuhan Pengarah dan ahli-ahli pengurusan utama lain semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Manfaat kakitangan jangka pendek	5,724	9,072
Manfaat selepas penggajian:		
- Pelan caruman ditetapkan	660	1,000
	<u>6,384</u>	<u>10,072</u>

Termasuk dalam jumlah kakitangan pengurusan utama ialah:

Imbuhan Pengarah Eksekutif (Nota 21(b))	<u>1,662</u>	<u>1,891</u>
---	--------------	--------------

Ahli pengurusan utama terdiri daripada orang yang berkuasa dan bertanggungjawab merancang, mengarah dan mengawal kegiatan-kegiatan entiti secara langsung atau tidak langsung, termasuk mana-mana pengarah (tidak kira eksekutif atau bukan) entiti tersebut.

(c) Baki tertunggak penting Syarikat dengan pihak berkaitan pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	2016 RM'000	2015 RM'000
Jumlah terhutang daripada/(kepada) pihak berkaitan		
Urusniaga berkaitan:		
- Penghutang insurans	26,709	26,535
- Pemiutang insurans	(31,344)	(36,604)
Jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan (Nota 8)	2,224	1,365
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan (Nota 15)	<u>(56,032)</u>	<u>(5,657)</u>

27. RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

(a) **Rangka Kerja Urustadbir dan Kawal Selia**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyelia pengurusan risiko dalam Syarikat menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Ia mengawasi pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang termasuk:

- Menguruskan risiko secara konsisten dengan strategi pengurusan risiko dan struktur urustadbir risiko;
- Memastikan fungsi Pengurusan Risiko Perusahaan ("ERM") berjalan dengan lancar dalam memenuhi tanggungjawabnya dalam rangka kerja;
- Menetapkan dan mematuhi keinginan risiko yang konsisten dengan keinginan risiko Syarikat; dan
- Mengenalpasti, mengukur dan mengurus pelbagai jenis risiko yang wujud dalam operasi secara sistematik.

Pelaksanaan strategi pengurusan risiko dengan berjaya akan memerlukan tanggungjawab kepimpinan yang tergabung dan terselaraskan untuk semua unit perniagaan dan fungsi korporat.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

27. RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

(b) Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Objektif muktamad pengurusan risiko adalah memaksimumkan kebarangkalian untuk memenuhi objektif strategik Syarikat. Objektif strategik dibentuk untuk memastikan kebolehlaksanaan jangka panjang dan penghasilan nilai. Objektif-objektif itu direalisasikan menerusi pengurusan yang terselaraskan yang terdiri daripada: (i) risiko, (ii) keuntungan dan (iii) perkembangan. Objektif spesifik untuk pengurusan risiko adalah untuk menguruskan profil risiko (iaitu, pengagihan hasil prestasi kewangan jangka pendek dan jangka panjang) yang konsisten dengan objektif strategik.

Pengurusan melalui penyeliaan Lembaga Pengarah telah melaksanakan proses pengurusan risiko dalam Syarikat yang menentukan keseluruhan strategi perniagaan dan falsafah pengurusan risiko am. Bahagian-bahagian utama risiko yang kegiatan-kegiatan Syarikat terdedah kepada adalah risiko operasi, risiko kecairan, risiko kumpulan, risiko insurans, risiko pasaran dan risiko kredit.

Infrastruktur pengurusan risiko Syarikat menentukan tanggungan dan tanggungjawab yang jelas untuk proses pengurusan risiko yang menekankan pengurusan risiko utama dan tanggungjawab kawalan.

Proses	Pihak bertanggungjawab
Pewujudan rejim pengurusan risiko serta selera dan polisi risiko Syarikat	Lembaga Pengarah Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC")
Pelaksanaan polisi risiko Syarikat dan pematuhan	Jawatankuasa Khas - Jawatankuasa Risiko & Modal ("RCC") - Jawatankuasa Pelaburan Pengurusan Risiko Bebas dan Unit Kawalan - Jabatan Audit Dalaman - Jabatan Pematuhan - Jabatan Pengurusan Risiko
Pelaksanaan dan pematuhan kepada polisi risiko Syarikat	Business Units - Jabatan Pengurusan Saluran Cawangan Agensi - Jabatan Tuntutan - Jabatan Kewangan & Perakaunan - Jabatan Sumber Manusia - Jabatan Pengurusan Sistem Maklumat (MIS) - Jabatan Operasi - Jabatan Penajajaminan: - Jabatan Komersial - Jabatan Pengguna - Pusat Perkhidmatan termasuk: - Pentadbiran - Pematuhan - Perundangan - Komunikasi & Penjenamaan - Pengurusan Risiko

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

27. RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

(b) Rangka Kerja Pengurusan Risiko (sambungan)

Rangka kerja pengurusan formal Syarikat adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") ditubuhkan di peringkat Lembaga Pengarah untuk menggerakkan proses pengurusan risiko dalam mengenal pasti risiko perniagaan utama dan melaksanakan sistem yang sesuai untuk menguruskan risiko-risiko ini.
- RMC yang dipengerusi oleh CEO dan Pegawai Risiko ditubuhkan dengan tanggungjawab untuk mengenal pasti dan berkomunikasi dengan RMC tentang risiko kritikal (semasa dan berpotensi) berkenaan kebarangkalian pendedahan dan kesan ke atas perniagaan Syarikat dan pelan tindakan pengurusan untuk menguruskan risiko-risiko ini secara berterusan.
- Pengurusan risiko bebas dan fungsi kawalan di bawah Jabatan Audit Dalaman memberikan sokongan kepada Jawatankuasa Audit dan RMC dan bertanggungjawab menentukan bahawa polisi risiko yang dilaksanakan dan dipatuhi.
- Unit Perniagaan bertanggungjawab mengenal pasti, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam barisan perniagaan mereka dan memastikan kegiatan perniagaan harian mereka dijalankan menurut polisi, prosedur dan had risiko yang diwujudkan.
- Peranan Jawatankuasa Audit yang disokong oleh Jabatan Audit Dalaman adalah untuk memberikan penilaian bebas tentang kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada polisi risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan kawal seliaan.
- Polisi pengurusan risiko tertakluk pada penyemakan semula untuk memastikan bahawa polisi-polisi itu masih boleh digunakan dan efektif dalam pengurusan risiko yang berkaitan akibat perubahan dalam persekitaran pasaran dan kawal seliaan.
- Profil risiko tergabung Syarikat dan manual pengurusan risiko sedang dibentuk dan akan mengikut struktur yang ditetapkan oleh Chartis Inc, syarikat kedua pemegang Syarikat..

(c) Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko

Bank Negara Malaysia ("BNM") memperkenalkan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("RBC") mulai 1 Januari 2009. Rangka Kerja ini dikenakan kepada semua penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996. Di bawah Rangka Kerja ini, seorang penanggung insurans perlu memegang modal pada tahap yang setara dengan profil risiko, dan mengambil kira risiko kredit akaun, pasaran, insurans dan operasi. Di bawah Rangka Kerja ini, Syarikat perlu menentukan tahap modal sasaran individu ("ITCL") dengan kelulusan daripada BNM dan nisbah kecukupan modal berkanun minimum ("CAR") adalah 130%.

Syarikat telah mewujudkan kedudukan modal yang mencukupi untuk kedua-dua ITCL dan CAR sepanjang masa.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

27. RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

(c) Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (sambungan)

Kaedah RBC

Rangka kerja RBC menggunakan kaedah yang standard dengan caj risiko modal ditetapkan dikenakan ke atas setiap bahagian risiko yang dikenal pasti. Modal bersamaan dengan perbezaan antara aset dan liabiliti penanggung insurans. Rangka Kerja RBC menetapkan kaedah penilaian untuk kedua-dua aset dan liabiliti dan langkah pertama penting dalam mewujudkan tahap asas risiko dalam tahap kecukupan modalnya.

Aset biasanya perlu dinilai pada nilai pasaran saksama. Liabiliti insurans (tuntutan dan liabiliti premium) perlu dinilai oleh aktuari.

Caj risiko modal yang ditetapkan akan digunakan ke atas nilai setiap kelas aset dan liabiliti untuk membawa tahap asas kecukupan ke tahap yang dianggap dapat memberikan keselamatan kawal seliaan.

(d) Pelan Pengurusan Modal

Dengan kelulusan daripada BNM, Lembaga Pengarah meluluskan dan menggunakan Pelan Pengurusan Modal ("CMP") untuk Syarikat yang sejajar dengan keperluan ditetapkan dalam Rangka Kerja RBC.

Objektif CMP adalah mengoptimumkan penggunaan sumber secara cekap dan berkesan untuk memaksimumkan pulangan ke atas ekuiti dan membekalkan tahap modal yang sesuai untuk melindungi pemegang polisi dan mempertimbangkan peristiwa yang mempengaruhi operasi dan daya ketahanan kewangan Syarikat secara langsung atau tidak langsung.

CMP membimbing pengurusan modal menurut strategi perniagaan Syarikat dan keperluan organisasi yang mengambil kira persekitaran perniagaan dan kawal seliaan di mana Syarikat beroperasi. Dalam hal ini, Syarikat menentukan sasaran modal untuk Tahap 1 dan Tahap 2 seperti yang didefinisikan di bawah Rangka Kerja RBC yang lebih tinggi daripada keperluan kawal seliaan minimum.

Jawatankuasa pengurusan yang bertanggungjawab menyelia pengurusan modal Syarikat adalah Jawatankuasa Ujian Tekanan & Penyemakan Semula Pengurusan Modal. Semua cadangan tentang penyimpangan dari sasaran modal atau kegiatan pungutan modal mesti dialamatkan dan diluluskan oleh RMC sebelum penyaranan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pelaksanaan.

Rangka Kerja RBC dan Garis Panduan ICAAP bagi industri insurans berkuat kuasa pada 1 Januari 2009 dan 1 September 2012 masing-masing. Di bawah rangka kerja, Syarikat perlu mengekalkan tahap kecukupan modal yang setara dengan profil risikonya. Keperluan modal minimum di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia ialah 130%.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

27. RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO (SAMBUNGAN)

(d) Pelan Pengurusan Modal (sambungan)

Ujian Tekanan

Rangka kerja RBC juga termasuk Polisi Tekanan yang menghendaki ujian tekanan dijalankan dua kali setahun dan apabila diperlukan untuk menilai tahap ketahanan modal Syarikat terhadap saham pasaran secara sistematik dan tahap modal akan terhakis oleh risiko utama yang dikenal pasti akibat peristiwa luar biasa tetapi munasabah dan menentukan kesan ke atas prestasi dan keadaan kewangan. Keputusan ujian tekanan dengan tindakan balas dijadualkan kepada RMC untuk dipertimbangkan dan disarankan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan pada masa penghantaran kepada BNM.

Ini adalah konsisten dengan amalan kami untuk menyemak semula dan mengkaji ICAR setiap setengah tahun yang konsisten dengan garis panduan ujian tekanan.

(e) Rangka Kerja Pengurusan Aset Liabiliti ("ALM")

Objektif utama polisi ALM Syarikat adalah untuk memastikan bahawa aset cair yang dipegang adalah mencukupi sepanjang masa dan memberikan pendapatan yang memuaskan dan konsisten ke atas aset-aset ini. ALM Syarikat adalah bersepadu dengan pengurusan risiko kewangan berkaitan dengan aset dan liabiliti kewangan lain Syarikat yang tidak berkaitan langsung dengan insurans. Jawatankuasa Pelaburan Syarikat pada dasarnya bertanggungjawab ke atas pengurusan aset/liabiliti berdasarkan garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Falsafah ALM

Objektif utama pelaburan utama portfolio pendapatan tetap adalah pemuliharaan modal jangka panjang dan memastikan kecairan mencukupi untuk menjelaskan tuntutan dan liabiliti perbelanjaan apabila ia timbul. Objektif kedua pelaburan portfolio pendapatan tetap adalah kadar hasil serta prestasi pulangan dan pada masa yang sama pengawalan risiko.

Untuk perniagaan insurans am di mana tempoh purata liabiliti adalah kebanyakannya di antara dua hingga lima tahun, portfolio pendapatan tetap biasanya dibentuk pada dasar bertangga dengan tempoh sasaran antara dua hingga tujuh tahun dan kematangan bon sehingga kira-kira 10 tahun. Dalam keadaan pasaran insurans am yang biasa, aliran tunai insurans bersama pendapatan pelaburan dan kematangan bon berkemungkinan besar adalah mencukupi untuk menjelaskan bayaran tuntutan. Dalam keadaan sebaliknya, pemegangan pendapatan tetap perlulah dalam bon cair yang mudah dijual untuk menjelaskan bayaran tuntutan insurans ini.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

28. RISIKO INSURANS

Risiko di bawah mana-mana kontrak insurans adalah kebarangkalian bahawa peristiwa yang diinsuranskan berlaku dan ketidakpastian masa serta jumlah tuntutan akibatnya. Risiko dalam kontrak insurans secara semula jadi adalah rawak dan oleh itu, ia tidak boleh diduga.

Untuk portfolio kontrak insurans di mana teori kebarangkalian digunakan pada penentuan harga dan perizaban, risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat di bawah kontrak insuransnya adalah tuntutan benar dan bayaran manfaat melebihi jumlah dibawa liabiliti insurans. Ini boleh berlaku kerana kekerapan atau keseriusan tuntutan melebihi jumlah anggaran. Peristiwa insurans berlaku secara rawak dan jumlah sebenar serta jumlah tuntutan akan berbeza dari tahun ke tahun dari tahap diwujudkan dengan menggunakan teknik statistik.

Faktor yang memburukkan risiko insurans termasuk kekurangan mempelbagaian risiko dari segi jenis dan jumlah risiko dan jenis perniagaan yang dilindungi. Syarikat menguruskan risiko-risiko ini melalui strategi penajajaminannya, pengaturan insurans semula yang mencukupi dan pengendalian tuntutan secara proaktif.

Polisi penajajaminan

Syarikat telah membentuk strategi penajajaminan insuransnya untuk mempelbagaikan jenis risiko insurans yang diterima dan dalam setiap kategori ini untuk mencapai populasi risiko yang cukup besar untuk mengurangkan kebolehubahan hasil yang dijangka.

Polisi penajajaminan asas Syarikat adalah setiap barisan perniagaan dijangka membuat keuntungan penajajaminan atas dasar tersendiri. Setiap produk atau barisan perniagaan mempunyai garis panduan penajajaminan terperinci sendiri yang diluluskan secara tempatan dan serantau di New York. Pihak berkuasa penajajaminan ditetapkan dengan jelas untuk setiap barisan perniagaan dalam setiap pusat keuntungan dan diaudit secara tetap oleh pusat keuntungan. Pihak berkuasa penajajaminan dan tahap rujukan mempunyai perkaitan dengan kedua-dua jumlah dan pilihan risiko yang dilindungi.

Butir-butir ringkas tentang polisi penajajaminan Syarikat untuk kelas-kelas perniagaan utama adalah seperti berikut:

Motor	Hampir semua perniagaan yang ditulis terdiri daripada insurans komprehensif untuk kereta persendirian, yang biasanya dijual menerusi ejen. Baki yang lain terdiri daripada perlindungan komprehensif untuk kenderaan komersial ringan (permit C) dan jumlah perlindungan pihak ketiga bagi kereta persendirian. Motosikal tidak akan diterima, selain daripada atas dasar akomodasi. Perlindungan untuk model kenderaan dengan kadar kecurian yang tinggi akan ditolak. Senarai kenderaan-kenderaan ini (berdasarkan pengalaman Syarikat sendiri) diawasi setiap bulan dan dikemaskini untuk penajajamin pada jangka masa yang tetap. Penarafan mengikut tarif BNM dan garis panduan dengan ketat. Beban biasanya tidak digunakan selain daripada risiko yang memerlukan rujukan (contoh pemandu muda, kenderaan bernilai tinggi).
Kemalangan & Kesihatan ("A&H")	Perniagaan A&H Syarikat terdiri daripada insurans pelancongan, polisi kemalangan peribadi (kedua-dua kumpulan dan individu), jumlah perlindungan kesihatan yang kecil, yang biasanya terdiri daripada produk berpakej.
Barisan Komersial	Semua akaun ditajajamin secara berasingan, selain daripada pakej bergabung yang boleh didapati atas dasar pra-tajajamin. Penarafan untuk perniagaan hartanah adalah atas dasar tarif.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

28. RISIKO INSURANS (SAMBUNGAN)

Insurans Semula

Insurans semula digunakan untuk mengehadkan pendedahan Syarikat daripada tuntutan yang besar dengan meletakkan risiko pada penginsurans semula yang memberikan keselamatan yang tinggi.

AIG, Inc telah mewujudkan American International Overseas Association (Persatuan), sebuah persatuan tidak diperbadankan Bermuda pada tahun 1976 sebagai mekanisme pengumpulan bagi operasi insurans antarabangsa AIG Inc. Pada masa pembentukan Persatuan, syarikat-syarikat ahli telah memeterai perjanjian insurans semula yang menguruskan pengendali-pengendali yang dikumpulkan di dalam Persatuan. Syarikat-syarikat ahli Persatuan adalah Natioanal Union Fire Insurance Company, Pittsburgh, Pa., American Home Assurance Company dan New Hampshire Insurance Company. Syarikat-syarikat ahli Persatuan bertindak sebagai penginsurans semula kawalan Syarikat bagi kontrak pakatan insurans semula Syarikat.

Dalam pengendalian urusan harian, Syarikat menyerahkan insurans semula kepada syarikat insurans lain untuk tujuan pempelbagaian perniagaan dan mengehadkan kemungkinan kerugian daripada risiko besar.

Pengurusan tuntutan

Prosedur pengendalian tuntutan proaktif diikuti untuk menyiasat dan menyelaraskan tuntutan dan dengan itu mengelakkan penyelesaian tuntutan yang meragukan atau palsu.

Polisi perizaban tuntutan Syarikat adalah untuk mewujudkan kes rizab yang realistik dengan segera berdasarkan semua maklumat fakta yang tersedia untuk menghasilkan anggaran terbaik untuk jumlah bayaran muktamad tuntutan. Selain itu, penekanan diletakkan pada keperluan proses perizaban yang konsisten dan stabil kerana anggaran kes digunakan dalam unjuran Ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR"). Anggaran IBNR dinilai oleh aktuari luaran yang dilantik oleh pengurusan.

Apabila maklumat adalah tidak mencukupi untuk menentukan rizab yang realistik semasa fail tuntutan dibuka pada kali pertama, rizab awal nominal yang bersamaan dengan bayaran tuntutan purata pada tahun sebelumnya diwujudkan untuk kelas perniagaan tersebut. Sebaik sahaja maklumat tambahan diterima, rizab awal digantikan dengan rizab realistik.

Fail tuntutan terbuka disemak semula pada jangka masa yang tetap dan rizab diselaraskan sebaik sahaja maklumat tambahan diterima. Selain itu, semua fail terbuka disemak semula setiap tahun.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

28. RISIKO INSURANS (SAMBUNGAN)

Pempelbagaian

Pempelbagaian dicapai dengan mendapatkan risiko populasi yang cukup besar untuk mengurangkan kebolehubahan jangkaan hasil. Strategi pemelbagaian cuba memastikan risiko penaja jaminan dipelbagaikan dengan baik dari segi jenis dan jumlah risiko, industri dan geografi.

Syarikat mempunyai objektif untuk mengawal dan mengurangkan risiko insurans serta mengurangkan kebolehubahan keuntungan operasi. Syarikat menguruskan risiko insurans menerusi mekanisme-mekanisme berikut:

- Penggunaan dan penyelenggaraan sistem pengurusan maklumat sofistikated yang memberikan data terkini, tepat dan boleh dipercayai tentang pendedahan risiko pada setiap masa.
- Garis panduan dikeluarkan untuk kontrak insurans penutup dan risiko insurans yang diambil.
- Prosedur pengendalian tuntutan proaktif diikuti untuk menyiasat dan menyelaraskan tuntutan, jadi ini mengelakkan penyelesaian tuntutan palsu.
- Insurans semula digunakan untuk mengehadkan pendedahan Syarikat kepada tuntutan yang besar dengan menggantikan risiko dengan penginsurans semula yang memberikan keselamatan yang tinggi.

Tumpuan risiko insurans sebelum dan selepas insurans semula (berdasarkan liabiliti kontrak insurans) berhubung jenis risiko diterima diringkaskan di bawah:

	Nota	Kasar RM'000	Insurans Semula RM'000	Bersih RM'000
2016				
Motor		361,379	(9,259)	352,120
Kebakaran		124,522	(74,312)	50,210
Kargo Marin, Kargo Penerbangan & Transit		34,196	(23,670)	10,526
Pelbagai		255,023	(73,436)	181,587
	12	<u>775,120</u>	<u>(180,677)</u>	<u>594,443</u>
	Nota	Kasar RM'000	Insurans Semula RM'000	Bersih RM'000
2015				
Motor		416,551	989	417,540
Kebakaran		161,494	(106,263)	55,231
Kargo Marin, Kargo Penerbangan & Transit		29,532	(20,595)	8,937
Pelbagai		236,595	(57,464)	179,131
	12	<u>844,172</u>	<u>(183,333)</u>	<u>660,839</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

28. RISIKO INSURANS (SAMBUNGAN)

Andaian Utama

Andaian utama yang mendasari anggaran liabiliti adalah perkembangan tuntutan masa hadapan Syarikat akan mengikut pola yang sama dengan pengalaman perkembangan tuntutan lepas. Ini termasuk andaian berkenaan pola perkembangan kerugian dan perubahan nisbah kerugian.

Pertimbangan kualitatif tambahan digunakan untuk menilai setakat mana arah aliran lepas tidak boleh digunakan pada masa hadapan, misalnya, kejadian terpencil, perubahan dalam faktor pasaran seperti sikap masyarakat terhadap tuntutan, keadaan ekonomi, dan faktor-faktor dalaman seperti campuran portfolio, keadaan polisi dan prosedur pengendalian tuntutan. Pertimbangan seterusnya digunakan untuk menilai setakat mana faktor-faktor luaran seperti keputusan kehakiman dan perundangan kerajaan menjejaskan anggaran.

Kesensitifan

Liabiliti tuntutan insurans am adalah sensitif kepada andaian utama yang ditunjukkan di bawah. Kesensitifan sesetengah andaian sukar dinyatakan dalam kuantiti, seperti perubahan perundangan atau ketidakpastian dalam proses anggaran.

Analisis di bawah dijalankan untuk perubahan munasabah yang wajar dalam andaian utama dengan semua andaian lain dijadikan tetap, yang menunjukkan kesan ke atas Liabiliti Kasar dan Bersih, Keuntungan sebelum cukai dan ekuiti. Korelasi andaian akan mempunyai kesan yang ketara dalam menentukan liabiliti tuntutan muktamad, tetapi untuk menunjukkan kesan akibat perubahan dalam andaian, andaian perlu diubah secara berasingan. Perubahan dalam andaian-andaian ini yang tidak linear perlu diberi perhatian.

2016	Perubahan dalam andaian	Kesan ke atas liabiliti kasar RM'000	Kesan ke atas liabiliti bersih RM'000	Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai RM'000	Kesan ke atas ekuiti RM'000
Perkembangan Kerugian	+1.5%	36,131	29,540	(29,540)	(22,155)
	+1.0%	24,088	19,693	(19,693)	(14,770)
	+0.5%	12,044	9,847	(9,847)	(7,385)
Nisbah Kerugian	+1.5%	83,948	61,014	(61,014)	(45,760)
	+1.0%	55,965	40,676	(40,676)	(30,507)
	+0.5%	27,983	20,338	(20,338)	(15,253)
2015	Perubahan dalam andaian	Kesan ke atas liabiliti kasar RM'000	Kesan ke atas liabiliti bersih RM'000	Kesan ke atas keuntungan sebelum cukai RM'000	Kesan ke atas ekuiti RM'000
Perkembangan Kerugian	+1.5%	35,241	28,025	(28,025)	(21,019)
	+1.0%	23,494	18,683	(18,683)	(14,012)
	+0.5%	11,747	9,342	(9,342)	(7,007)
Nisbah Kerugian	+1.5%	79,849	58,329	(58,329)	(43,747)
	+1.0%	53,233	38,886	(38,886)	(29,165)
	+0.5%	26,616	19,443	(19,443)	(14,582)

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

28. RISIKO INSURANS (SAMBUNGAN)

Jadual Perkembangan Tuntutan

Jadual-jadual berikut menunjukkan anggaran tuntutan kumulatif ditanggung, termasuk tuntutan yang diberitahu dan rizab IBNR untuk setiap tahun kemalangan yang berikutnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, bersama bayaran kumulatif sehingga kini.

Dalam penentuan peruntukan tuntutan, Syarikat mempertimbangkan kebarangkalian lebihan atau kekurangan pengalaman masa hadapan daripada andaian dan bertindak berhati-hati dalam menentukan rizab apabila terdapat ketidakpastian yang agak ketara. Pada dasarnya, ketidakpastian yang dikaitkan dengan pengalaman tuntutan muktamad pada tahun kemalangan adalah paling banyak apabila tahun kemalangan adalah pada tahap perkembangan awal. Apabila tuntutan berkembang dan kos tuntutan muktamad adalah lebih pasti.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)

28. RISIKO INSURANS (SAMBUNGAN)

Jadual Perkembangan Tuntutan (sambungan)

